

18/01/1997

Kompleks RM679j siap ikut jadual

PEMBINAAN Kompleks Sukan Kebangsaan bernilai RM679 juta mengikut jadual dan penganjur Sukan Komanwel mempunyai masa secukupnya menguji serta memasang peralatan, kata Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Segalanya berjalan licin dan saya gembira dengan hasil kerja. Saya yakin UEM (United Engineers Malaysia Berhad, kontraktor utama) akan menyiapkan kerja-kerja mengikut jadual," kata Muhyiddin selepas meninjau kemajuan projek itu di Bukit Jalil, semalam.

Muhyiddin berkata stadium utama, yang boleh memuatkan 100,000 penonton, dan kompleks akuatik akan disiapkan menjelang akhir tahun ini atau beberapa bulan lebih awal daripada jadual.

Kementerian akan menjemput Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat kompleks itu bulan depan bagi menyaksikan sendiri pemasangan bumbung di stadium utama itu.

Menurut Muhyiddin kerja-kerja di perkampungan sukan dan stadium tertutup berjalan lancar manakala pembinaan kompleks skuasy baru dimulakan tetapi yakin ia dapat disiapkan sebelum Kuala Lumpur '98.

Stadium hoki, yang dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya hampir siap dan akan diserahkan kepada kementerian menjelang akhir bulan ini.

"Kami akan meminta PHM (Persekutuan Hoki Malaysia) menguji kemudahan di stadium itu sebelum kejohanan pusingan kelayakan Piala Dunia Mac ini," kata Muhyiddin.

Persiapan kompleks itu lebih awal daripada jadual memberi peluang Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom 98) serta persatuan sukan kebangsaan menguji kemudahan itu sebelum temasya September 1998. Bagaimanapun, menurut Muhyiddin mereka akan meminta UEM memperuntukkan 200 bilik tambahan di perkampungan sukan berikutan kemasukan bowling dan beberapa acara lain.

Mengenai lanskap kompleks itu, Muhyiddin berkata pakar perunding sedang menyiapkan laporan dan kerja-kerja akan disambung semula akhir tahun ini.

Sementara itu Muhyiddin memuji Persatuan Automobil Malaysia (AAM) kerana menandatangani perjanjian dengan Dorna dan Two Wheels Promotion Limited untuk menganjurkan kejohanan Grand Prix Motosikal Dunia di Shah Alam selama lima tahun mulai tahun ini. - Bernama

(END)